

## BAB 1: PENDAHULUAN

### 1.1. Pengenalan

Akidah sebagai asas beragama tidak pernah sunyi dari perbincangan para ulama semenjak daripada zaman *mutakallimīn* sehingga *mutaakhirin*, sentiasa mendapat pemerhatian. Kerana akidah merupakan pangkal penting bagi kehidupan umat manusia, tambahan pula mereka yang menerima agama Islam yang betul sebagaimana diwahyukan oleh Allah s.w.t kepada Rasul-Nya, Muhammad s.a.w.

Akidah Islam sebagai pangkal daripada kehidupan mempunyai dua keistimewaan iaitu; *Pertama*, akidah mempunyai kemampuan untuk menggerak amal usaha yang menepati dengan berbagi ragi tersebut. Dalam hubungan antara amal dan akidah sangat rapat sehingga segala tingkahlaku manusia sebenar adalah terjemahan daripada akidah yang bersemayam dalam hatinya. *Kedua*, akidah ini mempunyai kemampuan tarikan yang bersifat *ghaib* yang menghubungkan seorang manusia dengan perkara-perkara yang wujud di sebalik alam nyata ini.<sup>1</sup>

Demikian penting kewujudan akidah dalam Islam sehingga bagi masyarakat Muslim amnya dan Muslim di Indonesia khususnya, kajian akidah menjadi perbincangan dan pemerhatian daripada ulama, cendikiawan, dan pelajar kerana hubungan antara akidah dengan keimanan mempunyai pengaruh dalam kehidupan beragama, berbangsa dan bernegara. Perbincangan akidah terbit dan menjadi *issue* apabila didapati perbezaan pandangan dari sudut pandang majoriti kaum Muslimin. Keadaan demikian terjadi pula di tengah-tengah komuniti Muslim Indonesia.

---

<sup>1</sup> Mohd Sulaiman Haji Yasin (1988), *Pengantar 'Akidah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 167-168

## 1.2 Latarbelakang Masalah Kajian

Indonesia adalah merupakan negara berasas kepada prinsip “demokrasi Pancasila”. Demokrasi Pancasila adalah demokrasi yang menyatukan antara nilai-nilai budaya dan nilai-nilai agama yang dinyakini masyarakat Indonesia. Adapun azas demokrasi yang terkandung meliputi; *satu*, Ketuhanan Yang Maha Esa, *dua*, Kemanusiaan yang adil dan beradab, *tiga*, Persatuan Indonesia, *empat*, Kerakyatan yang dipimpin oleh hikmat kebijaksanaan dalam permusyawaratan/perwakilan dan *lima*, Keadilan sosial bagi seluruh rakyat Indonesia.

Pancasila sebagai asas negara menjadi rujukan bagi pelaksana pelbagai bidang sistem negara yang meliputi; ideologi, politik, ekonomi, sosial, budaya, agama dan pertahanan keamanan negara. Azas dalam beragama dikandung pada azas *pertama* iaitu “Ketuhanan Yang Maha Esa”.<sup>2</sup> Azas Ketuhanan ini beragama bermakna bahawa negara Indonesia memberi kebebasan masyarakat Indonesia untuk; *pertama*, Percaya dan takwa kepada Tuhan Yang Maha Esa sesuai dengan agama dan kepercayaan masing-masing menurut dasar kemanusiaan yang adil dan beradab, *kedua*, Hormat menghormati dan bekerjasama antar pemeluk agama dan penganut-penganut kepercayaan yang berbeda-beda sehingga terbina kerukunan hidup, *ketiga*, Saling menghormati kebebasan menjalankan ibadah sesuai dengan agama dan kepercayaannya. *keempat*, Tidak memaksakan suatu agama dan kepercayaan kepada orang lain<sup>3</sup>

Azas pertama daripada Pancasila iaitu: “Ketuhanan Yang Maha Esa” bermakna bahawa agama dan kepercayaan kepada Tuhan merupakan bahagian daripada unsur dalam sistem negara bangsa Indonesia. Mengikuti pandangan Ibn Taimiyah sebab tidak ada manusia yang mampu memperoleh kesejahteraan sempurna baik di dunia mahupun

---

<sup>2</sup> Lihat Imam Sutrisno (1985), *Menghayati Hakekat Pancasila*, Jakarta: C.V. Alda, h.h. 7-8; Lihat Juga Rozali Abdullah (1984), *Pancasila sebagai Dasar Negara dan Pandangan Hidup Bangsa*, Jakarta: CV Rajawali, h. 11

<sup>3</sup> Ketetapan MPR NO. II/MPR/1978 tentang *Eka Prasertia Pancakarsa*.

di akhirat tanpa terikat dalam sebuah *ijtima'* yang mewujudkan dan tolong menolong dalam jalinan manfaat dan menolak pelbagai bentuk yang membahayakan. Manusia sebagai makhluk politik yang dibentuk secara alami seharusnya mampu mengatur *ijtima'* dengan pelbagai aturan, dan sedapat mungkin tetap mematuhi pemimpin yang terpilih demi meraih cita-cita bersama.<sup>4</sup>

Dalam azas beragama dan bermasyarakat, Pancasila telah diperkukuh oleh bangsa Indonesia sebagai “perjanjian sosial” yang disepakati untuk membina masyarakat yang berpandu daripada prinsip “*Bhineka Tunggal Ika*”. Iaitu suatu azas bahawa bangsa Indonesia dengan latar belakang kehidupan berbilang kaum walaupun mereka berbeza-beza tetapi mereka tetap mempunyai satu matlamat berbangsa dan bernegara.

Secara sistematis kehidupan beragama di Indonesia sudah diatur dalam Undang-Undang Dasar 1945 (UUD1945). Undang-Undang Dasar ini merupakan peraturan sistem negara yang dibentuk semasa Indonesia mencapai kemerdekaan pada tanggal 17 Ogos 1945. UUD 1945 merupakan peraturan Negara yang berisi tentang pelaksana bidang perlembagaan negara yang meliputi; *satu*, menjalankan undang-undang (*eksekutif*), *dua* menerbitkan undang-undang (*legislative*) dan *tiga* pengawasan undang-undang (*yudikatif*).

Kehidupan beragama telah pula terkandung dalam Pembukaan UUD 1945. Keyakinan beragama dalam Pembukaan UUD 1945 didapati pada birai keempat iaitu; “Negara berdasarkan Ketuhanan Yang Maha Esa”.<sup>5</sup> Asas ini memberi maksud bahawa penyelenggara negara memiliki hubungkait dengan nilai-nilai agama dan keyakinan yang diikuti masyarakat Indonesia.

---

<sup>4</sup> Ibn Taimiyah (1963), *Majmu' Fatawa Shaikh Ibn Taimiyah*, Riyad: Maktabah Riyad, Jilid 20, h. 62

<sup>5</sup> Sekretaris Negara (1999), *Undang-Undang Dasar 1945 dan Penjelasannya*, Jakarta: Sekretaris Negara, h. 13

Perakuan keagamaan dalam sistem negara dikuat kuasakan dalam UUD 1945 iaitu perkara 29 sebagai berikut: (1) Negara berdasarkan atas Ketuhanan Yang Maha Esa (2) Negara menjamin tiap-tiap penduduk untuk memeluk agamanya masing-masing dan untuk beribadat menurut agamanya dan kepercayaannya itu”. Hakikat perkara 29 (2) memberi erti bahawa setiap warga negara memiliki kemerdekaan untuk memilih dan mengikut suatu agama atau kepercayaan serta menjalankan agama dan kepercayaannya masing-masing.

Kebebasan hidup beragama dijamin oleh negara dan dikuat kuasakan pula dengan Undang-Undang Hak Asasi Manusia (UUHAM), sebagaimana perkara 4:

“Hak untuk hidup, hak untuk tidak diseksa, hak kemerdekaan pikiran dan hati nurani, hak beragama, hak untuk tidak diperbudak, hak untuk diakui sebagai pribadi di hadapan hukum, dan hak untuk tidak dituntut atas dasar hukum yang berlaku surut adalah hak asasi manusia yang tidak dapat dikurangi dalam keadaan apa pun”<sup>6</sup>.

Asas kebebasan beragama sebagaimana terkandung dalam Pancasila, UUD 1945 dan UUHAM secara amnya pula disusun dalam peraturan pemerintah seperti:

- Undang-Undang No. 1/PNPS/1965 jo. UU No. 5/1969 tentang Penyalahgunaan dan/atau Penodaan Agama,
- Undang-Undang Nomor 8 Tahun 1985 tentang Pertubuhan Kemasyarakatan,
- Undang-Undang Nomor 39 Tahun 1999 tentang Hak Asasi Manusia,
- Undang-Undang Nomor 28 Tahun 2002 tentang Bangunan Gedung,
- Keputusan Bersama Menteri Agama dan Menteri Dalam Negeri Nomor 1/BER/MDN-MAG/1969 tentang Pelaksanaan Tugas Aparatur Pemerintahan Dalam Menjamin Ketertiban dan Kelancaran Pelaksanaan Pengembangan dan Ibadat Agama oleh Pemeluk–Pemeluknya,
- Keputusan Bersama Menteri Agama dan Menteri Dalam Negeri Nomor 1/BER/MDN-MAG/1979 tentang Tatacara Pelaksanaan Penyiaran Agama dan Bantuan Luar Negeri kepada Lembaga Keagamaan di Indonesia, dan
- Peraturan Bersama Menteri Agama dan Menteri Dalam Negeri No: 9 Tahun 2006, No: 8 Tahun 2006 Tentang Pedoman Pelaksanaan Tugas Ketua Daerah/Wakil ketua Daerah dalam Pemeliharaan Kerukunan Umat Beragama, Pemberdayaan Forum Kerukunan Umat beragama dan Pendirian Rumah Ibadah.

---

<sup>6</sup> *Undang-Undang HAM No. 39 Tahun 1999* Sekretaris Negara (2003), *Undang-Undang Dasar 1945*, Jakarta: Sekretaris Negara. Selain UU No. 12 Tahun 2005 Tentang Pengesahan Konvenen International Tentang Hak-Hak Sipil perkara 18 (1), UU No. 39 tentang HAM perkara 22 (1) dan (2), UU No. 1/PNPS/1965 jo. UU No. 5/1969 tentang Penyalahgunaan dan/atau Penodaan Agama. Surat Edaran Menteri Dalam Negeri No. 477/74054/1978 yang menyebutkan Agama yang diakui pemerintah, iaitu Islam, Katolik, Kristian/Protestan, Hindu dan Budha..

Kebebasan beragama secara khas dalam ajaran Islam iaitu merujuk kepada al-Qur'ān dan sunnah Nabi s.a.w. seperti; ayat-ayat berikut iaitu; “Tidak ada paksaan dalam agama”, sūrah al-Baqarah (2): 256 “Larangan memaksa penganut agama lain memeluk Islam”, sūrah Yunus (10): 99, “Ajakan kepada kepada kalimat *sawa*”, sūrah Ali ‘Imrān (3): 64, “Untukku agamaku dan untukmu agamamu” sūrah al-Kāfirūn 109:6, dan “Dan apabila Tuhan menghendaki, Ia tentunya telah membuat bangsa manusia menjadi satu agama, namun mereka berterusan berselisih.” sūrah Hud (11): 118-119

Kewujudan peraturan-peraturan dalam kebebasan beragama di Indonesia tidak hanya difahami sebagai asas kebebasan beragama, menjalankan ajaran agama, mengikut suatu agama tetapi diertikan pula oleh sebahagian pengikut dan penganut agama dalam memahami substantif ajaran agama. Pemahaman terhadap peraturan berimplikasi terhadap pertubuhan sosial keagamaan dan aliran-aliran keagamaan baik dalam agama Islam, Kristian, Hindu, Budha dan Konghucu yang mengantar pada memisahkan dari *mainstream* masing-masing agama dan lahirlah sebagai bentuk *aliran* atau *sekte*<sup>7</sup>.

Pertubuhan sosial keagamaan umat Islam Indonesia secara khas terdapat pelbagai kepentingan seperti; pemurnian agama Islam (*tajdid*), sosial keagamaan, pemuda dan pelajar serta kepentingan politik. *Pertama* sebagai pemurnian agama Islam (*tajdid*) meliputi; Persatuan Islam (Persis), Muhammadiyah. *Kedua*, sosial keagamaan meliputi; Nahdlatul Ulama (NU), Al-Wasliyah, Nahdlatul Wathan, Mathlaul Anwar, Persatuan Tarbiyah Islamiyyah (Perti), Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII). *Ketiga*, pelajar dan pemuda seperti; Persatuan Mahasiswa Islam Indonesia (PMII), Himpunan Mahasiswa Islam (HMI), Ikatan Mahasiswa Muhammadiyah (IMM), Kesatuan Aksi

---

<sup>7</sup> *Agama*: Agama Bali (sering disebut Hindu Bali atau Hindu Dharma), Sunda Wiwitan (Kanekes, Banten), Agama Djawa Sunda (Kuningan, Jawa Barat), Buhun (Jawa Barat), Kejawen (Jawa Tengah dan Jawa Timur), Parmalim (Sumatera Utara), Kaharingan (Kalimantan), *Sekte*; Agama Jawa Asli Republik Indonesia, Dununge Urip, Ilmu Sejati, Ilmu Sejati, Prawiro Sudarso, Kawruh Budhi Jati, Kawruh Guru Sejati Kawedar (KGSK), Kawruh Kasunyatan Kasampurnan, Pusoko Budi Utomo, Kawruh Kebatinan Gunung Jati, Kawruh Panggayuh Esti, Kebatinan 9 Pambuka Jiwa, Kawula Warga Naluri, Maneges Memayu Hayuning Bawono, Ngelmu Bejo-Mulur Mungkret, Paguyuban Pembuka Das Sanga, Pamengku Pana Majapahit, Podo Bongso Purbokayun, Sangkan Paraning Dumadi (Sri Jayabaya), Tri Tunggal Bayu

Mahasiswa Muslim Indonesia (KAMMI) dan lainnya, *Keempat* pertubuhan bagi kepentingan kelompok seperti; Forum Pembela Islam (FPI), Hizbu Tahrir Indonesia (HTI), Laskar Jihad, dan Majelis Mujahidin Indonesia (MMI).

Pertubuhan sosial keagamaan satu di antara ialah Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) yang ditubuhkan pada 3 Januari 1972 di wilayah Kediri, Surabaya. Lembaga Dakwah Islam Indonesia pada amnya bertujuan melaksanakan ajaran agama sebagai rahmat bagi seluruh alam (*rahmat lil al-'Alamīn*) berasaskan al-Qur'an dan al-Hadith, melalui pelaksanaan ibadah *mahḍah* dan *ghairu mahḍah* (ibadah sosial) sebagai perwujudan kedudukan insani terhadap *al-Khaliq* dalam:

1. melaksanakan ibadah semata-mata kepada-Nya,
2. melaksanakan tugas sebagai hamba Allah untuk memakmurkan bumi, dan
3. membangun komuniti (*civil society*) yang kompetitif, guna meningkatkan kualiti peradaban, hidup, harkat dan martabat dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara.<sup>8</sup>

LDII sebagai pertubuhan rasmi berasas Pancasila serta undang-undang yang diiktiraf oleh pemerintah Republik Indonesia, sedang dalam konteks beragama LDII berazas al-Qur'an dan Hadith. Sejak LDII ditubuhkan pada tahun 1972 sampai kini terdapat pelbagai pandangan negatif seperti; sebagai *aliran sesat*, *aliran sempalan*, *archaisme*;<sup>9</sup> gerakan *uṣūliyyah al-Islamiyyah*<sup>10</sup> dan sebagai aliran *mutanaḥḥi*'. Pada tahun 2006 meskipun LDII telah menjelaskan kewujudannya sebagai pertubuhan yang tidak terlibat dengan ajaran Darul Hadith/Islam Jamaah serta sebagai pertubuhan berparadigma baru.<sup>11</sup> Namun, kehadiran LDII di tengah-tengah sebahagian umat Islam Indonesia belum mendapat kedudukan yang sama dihadapan hukum.

---

<sup>8</sup> LDII (1992), *Anggaran Dasar dan Anggaran Rumah Tangga*, Jakarta: Dewan Pimpinan Pusat LDII, h. 5

<sup>9</sup> Azyumardi Azra (1996), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*, Bandung: Mizan h. 109

<sup>10</sup> Tobroni (1996), Keamiran dan Jamaah Studi Tentang Hubungan Amir-Jamaah dan Pengaruhnya Terhadap Perilaku Keagamaan warga LDII di Jawa Timur, *Tesis*, Malang Universiti Muhammadiyah Malang, h.105

<sup>11</sup> Dewan Pimpinan Pusat LDII, Pernyataan Klarifikasi LDII

Negara Indonesia yang berazas Pancasila telah memberi kebebasan berekspresi dalam pelbagai bidang. Asas demokratis ini harus dihormati, dihargai, dijunjung tinggi termasuk dalam perkumpulan, menjalankan agama dan keyakinan masing-masing.<sup>12</sup> Demikian dengan LDII sebagai pertubuhan dakwah dan sosial keagamaan yang telah mengikuti peraturan dan undang-undang mestinya mempunyai kedudukan yang setara dihadapan hukum Indonesia. Perkara ini, menyokong penyelidik untuk mengkaji lebih mendalam kefahaman LDII sebagai pertubuhan bertujuan memajukan dakwah Islamiyah dan pendidikan khasya dari aspek akidah sebagai jawapan terhadap pandangan negatif yang ditujukan kepada LDII.

### **1.3 Kenyataan tentang Masalah Kajian**

Agama pada hakikatnya adalah ajaran, tuntunan atau pedoman hidup yang berasal dari Tuhan.<sup>13</sup> Awal ajaran tersebut disampaikan kepada umat manusia melalui perantaraan seorang Nabi atau Rasul<sup>14</sup>, kemudian dipahami dan diajarkan dari generasi ke generasi. Lahirnya paham keagamaan tidak boleh dipisahkan dengan upaya menafsirkan teks atau ajaran agama berhubungkait dengan perubahan lingkungan sosial dan budaya masyarakat.

Paham keagamaan dalam catitan sejarah Islam bermula setelah Rasulullah s.a.w. wafat, khasnya ketika umat bersemuka dengan masalah suksesi kepemimpinan. Perbezaan pemahaman terhadap siapa yang layak menjadi pengganti kepemimpinan Nabi Muhammad s.a.w. mempengaruhi cara pandang (*worldview*) umat Islam dalam

---

<sup>12</sup> Perkara 28I : (1) Hak untuk hidup, hak untuk tidak disiksa, hak kemerdekaan pikiran dan hati nurani, hak beragama, hak untuk tidak diperbudak, hak untuk diakui sebagai pribadi dihadapan hukum, dan hak untuk tidak dituntut atas dasar hukum yang berlaku surut adalah hak asasi manusia yang tidak dapat dikurangi dalam keadaan apapun., dan perkara

<sup>13</sup> Lihat Kelana C.M & Lai Choy (1998), *Kamus Perwira*, Selangor D.E., Penerbit Daya SDN. BHD. h.13

<sup>14</sup> Lihat Q.S Al Anbiya; 25, yang ertinya, "*Dan Kami tidak mengutus seorang rasulpun sebelum kamu, melainkan Kami wahyukan kepadanya: Bahawasanya tidak ada Tuhan melainkan Aku maka sembahlah olehmu sekalian akan Aku*". Dalam surat An Nahl: 36, "*Dan sesungguhnya Kami telah mengutus rasul pada tiap-tiap umat untuk menyerukan: Sembahlah Allah saja dan jauhilah taghut*"Sebagaimana pula tercantum dalam surat Ash Shuara ayat 108, 136, 144, 150, 163 dan 179

memahami ajaran agama pada amya.<sup>15</sup> Penafsiran ajaran agama yang berbeza tidak sahaja berhubungkait dengan bidang politik, tetapi juga dengan perkara-perkara hukum yang melahirkan pelbagai madzhab (fiqh), kalam (teologi), tasawuf dan tarekat.

Lahirnya keilmuan-keilmuan itu merupakan bukti perkembangan paham keagamaan.<sup>16</sup> Pemahaman yang berkenaan dengan ajaran agama Islam terus berkembang sepanjang masa dan melahirkan pelbagai aliran keagamaan. Paham keagamaan yang dimaksud dalam tulisan ini adalah paham atau aliran dalam Islam.<sup>17</sup> Paham keagamaan tersebut kemudian menjadi asas dan pandangan dunia (*world view*) pelbagai komunitas Muslim di Indonesia. Meski demikian, pilihan komunitas Muslim berkenaan dengan paham keagamaan yang bercorak Shafi'iyah dalam bidang hukum atau fiqh ternyata merupakan mayoritas dibandingkan dengan paham yang lain. Begitu juga kecenderungan pilihan mengenai pengamalan tarekat yang *mu'tabarrah* jauh lebih diminati ketimbang yang *ghairu mu'tabarrah*, terutama tarekat Qadiriyyah dan Naqsabandiyah.<sup>18</sup>

Perbezaan persepsi, interpretasi atau ekspresi keagamaan ini pada peringkat suatu tertentu menyokong tumbuhnya aliran-aliran keagamaan dan kumpulan-kumpulan keagamaan yang lain akan memandang *eksklusif* jika sampai pada suatu anggapan bahawa hanya kelompoknya sahajalah yang dianggap paling benar dalam melaksanakan ajaran agama dan berpandangan yang lain tidak benar. Islam sebagai sebuah agama memungkinkan lahirnya pelbagai aliran dan paham keagamaan, kerana agama Islam

---

<sup>15</sup> Lihat Harun Nasution, *Teologi Islam: Sejarah Perbandingan Aliran-aliran*. Jakarta: UI-Press. 2006 h. 6

<sup>16</sup> Lihat Mahmoud M. Ayoub. *The Crisis of Muslim History: Akar-akar Krisis Politik dalam Sejarah Muslim. (The Crisis of Muslim History: Religion and Politics in Early Islam)* (terj. Munir A. Muin) Bandung. Mizan. 2004. M. Quraish Shihab. *Sumah-Syah Bergandeng Tangan Mungkinkah? Kajian Atas Konsep Ajaran dan Pemikiran*. Jakarta. Penerbit. Lentera Hati. 2007, Farag Fouada. *Kebenaran Yang Hilang: Sisi Kelam Praktik Politik dan Kekuasaan Dalam Sejarah Kaum Muslim (Al-Haqiqah al-Ghaybah)*, Jakarta. Balai Penelitian dan Pengembangan Agama Jakarta bekerjasama dengan Yayasan Wakaf Paramadina. 2007, h. 45-89.

<sup>17</sup> Mangaradja Onggang Parlindungan. Tuanku Rao: *Teror Agama Islam Madzhab Hambali di Tanah Batak 1816-1833*. Jakarta, Penerbit Tanjung Pengharapan. 1964. Ahmad Syafi'i Mufid, *Tangklukan, Abangan dan Tarekat: Kebangkitan Agama di Jawa*. Jakarta. Penerbit Yayasan Obor Indonesia. 2006

<sup>18</sup> Andree Feillard (2008) *NU vis-a-vis Negara: Pencarian Isi, Bentuk dan Makna*, Yogyakarta: LkiS. Cet. 2, h. 8-12. Lihat, Azyumardi Azra (1994), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak Akar-akar Pembaruan Pemikiran Islam di Indonesia*, Bandung: Penerbit Mizan, h. 35



memberikan kebebasan kepada pengikutnya untuk menafsirkan dan memahami teks-teks keagamaan. Oleh itu, dalam Islam tidak ada tafsir tunggal dalam masalah agama.

Kewujudan pergerakan pembaharuan keagamaan yang bersifat sosial keagamaan di Indonesia dimulai dengan pertubuhan Muhammadiyah pada tahun 1912. Pertubuhan Muhammadiyah dilatarbelakangi oleh perkara keagamaan umat Islam Indonesia yang bercanggah dengan ajaran Islam yang tulen. Amalan-amalan keagamaan yang dianggap bercanggah tersebut adalah bahawa masyarakat masih melakukan kepercayaan animisme dan dinamisme seperti; takayul, bid'ah, dan khurafat.<sup>19</sup>

Pertubuhan Muhammadiyah selain melaksanakan pembaharuan keagamaan juga melakukan pembaharuan pendidikan, kehidupan sosial, dan budaya.<sup>20</sup> Muhammadiyah dalam bidang pendidikan telah membina pendidikan formal dari peringkat tadika sehingga universiti. Dalam bidang sosial membina rumah yatim piatu, rumah penitipan dan hospital. Sedangkan dalam bidang budaya seperti; seni beladiri tapak suci dan kesenian yang bercirikan Islam. Pada masa selanjutnya pertubuhan Muhammadiyah menjadi pemicu kepada pertubuhan Islam dikemudian hari, seperti; Nahdlatul Ulama (NU)<sup>21</sup> yang ditubuhkan oleh Kiyai Haji Hasyim Asy'ari, Al-Irsyad ditubuhkan oleh Ahmad Sorkati,<sup>22</sup> dan Persatuan Islam (Persis) oleh A. Hasan<sup>23</sup>, Persatuan Tarbiyah Islamiyah (PERTI), dan Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII).

---

<sup>19</sup> A. Munir Mulkan dan Syukrianto (1986), *Pergumulan Pemikiran dalam Muhammadiyah*, Yogyakarta: Sippres, h. 43 Lihat Noer, Deliar (1990), *The Modernist Muslim Movement in Indonesia 1990-1942*, Oxford University Press, h. 43

<sup>20</sup> Lihat M. Ira Lapidus (1989), *A History of Islamic Societies*, (London: Cambridge University Press, h. 76 Mertin van Bruinessen (1996), *Tarekat Naksabandiyah di Indonesia*, Bandung: Mizan. Daya, Burhanuddin (1990), *Gerakan Pembaharuan Pemikiran Islam: Kasus Sumatera Tawalib*, Yogyakarta: Tiara Wacana Steenbrink, Karel A.(1995), *Kawan Dalam Pertikaian: Kaum Kolonial Belanda dan Islam di Indonesia 1596-1942*, Bandung: Mizan, h. 22-23

<sup>21</sup> Nahdlatul Ulama (*Kebangkitan Ulama*) atau *Kebangkitan Cendekiawan Islam*, disingkat NU, adalah sebuah organisasi Islam yang besar di Indonesia. Organisasi ini ditubuhkan pada 16 Rajab 1344 H/13 Januari 1926 dan bergerak di bidang pendidikan, sosial dan ekonomi. Organisasi ini dipimpin oleh K.H. Hasyim Asy'ari sebagai Rais Akbar Lihat Deliar Noer, *op.cit*.

<sup>22</sup> Perhimpunan Al-Irsyad Al-Islamiyyah ditubuhkan pada 6 September 1914 bertepatan 15 Syawwal 1332 H. Tanggal tersebut merujuk daripada penubuhan awal Madrasah Al-Irsyad Al-Islamiyyah di Jakarta. Pengasas Al-Irsyad adalah Al-'Alamah Syekh Ahmad Surkati Al-Anshori, seorang ulama besar Mekkah yang berasal dari Sudan. Pada mulanya Syekh Surkati datang ke Indonesia atas permintaan perkumpulan Jami'at Khair -yang majoriti anggota pengurusnya terdiri dari orang-orang Indonesia keturunan Arab golongan sayyid, dan berdiri pada 1905.

<sup>23</sup> Persatuan Islam (disingkat Persis) adalah sebuah organisasi Islam Indonesia. Persis didirikan pada 1923 di Bandung oleh sekelompok Islam yang berminat dalam pendidikan dan aktiviti keagamaan yang dipimpin oleh Haji Zamzam dan Haji Muhammad Yunus Lihat, Arbaiyah Lubis (1987), *Pemikiran Muhammadiyah dan Muhammad Abduh; Suatu Studi Perbandingan*, Jakarta: Bulan Bintang, h 15

Pertubuhan Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) yang ditubuhkan oleh Nurhasyim, R. Eddi Masiadi, Bachrani Hartono, Soetojo Wirjoadmojo dan Wijono pada 3 Januari 1972 mempunyai sejarah panjang yang dikaitkan dengan pertubuhan Islam Jamaah, Darul Hadith dan Lemkari yang telah dilupuskan oleh Mahkamah Rayuan kerana dianggap bercanggah dengan ajaran Islam.

Menurut hasil penyelidikan Amin Jamaluddin, pertubuhan LDII secara geneologi mempunyai hubungkait dengan faham Darul Hadith yang ditubuhkan oleh Kiai Haji Nurhasan Ubaidah di lingkungan tahun 1940-an. Sebelum itu, pertubuhan ini mengalami beberapa kali penukaran nama pertubuhan. Mulanya pertubuhan ini dikenali dengan nama; Yayasan Lembaga Karyawan Islam (YAKARI), Lembaga Karyawan Islam, kemudian diubah LEMKARI (Lembaga Karyawan Islam) dan terakhir menjadi Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) pada 1991 sehingga kini<sup>24</sup>.

LDII sebagai pertubuhan sosial keagamaan tidak sahaja hanya melakukan aktiviti keagamaan tetapi juga aktiviti sosial masyarakat seperti; bakti sosial, kegiatan pemuda, kegiatan wanita, kegiatan ekonomi dan pendidikan Islam. LDII dalam keagamaan melaksanakan pemurnian akidah Islam daripada amalan tahayyul, khurafat, bida'ah dan syirik. Kemudian dalam memahami al-Qur'an dan hadith Nabi s.a.w LDII menerapkan kaedah *manqul* yang bersumber daripada al-Qur'an dan *khutub al-Sitah*. Pada bidang ekonomi LDII mengembangkan ekonomi syari'ah dalam bentuk unit usaha bersama (UB) dan bekerjasama dengan pihak bank syar'ah. Bidang sosial dan budaya menjalin kerjasama dengan pelbagai masyarakat iaitu pemerintah, pemuda, wanita dan NGO. Sedang dalam pendidikan dengan membangun pendidikan formal dan non formal seperti; sekolah Darjah, Sekolah Tingkatan dan pondok-pondok pesantren.

---

<sup>24</sup> Lihat Mudijomo, *Akta Notaris LEMKARI*, Surabaya: Notaris Mudijomo Surabaya, 1972, h. 1-5, Lihat juga Lembaga Penelitian dan Pengkajian Islam (1998), *Bahaya Islam Jama'ah Lemkari LDII*, Jakarta: LPPI, h.6

Namun disebalik kewujudan pertubuhan ini, didapati masih ada sebahagian daripada masyarakat belum memahami asas LDII yang sebenarnya. Sehingga kondisi ini telah mengherat LDII dengan sebahagian umat Islam Indonesia ke dalam pertikaian sesama Muslim.

Khasnya di Provinsi Jambi umat Islam mempunyai pandangan yang berbeza-beza mengenai kewujudan pertubuhan LDII seperti; mempunyai faham, apabila bersentuhan kulit dengan orang diluaran LDII mereka anggap najis dan bekas dari najis itu harus dibasuh agar najisnya hilang, terkesan ekstrim dan eksklusif. Namun ada juga yang berpandangan toleran bahawa paham LDII tidak bercanggah dengan al-Qur'an dan Hadith.

Terlepas dari pelbagai pandangan di atas dalam perspektif intelektual dan sarjana terdapat perbezaan pandangan terhadap LDII, seperti; Abdurrahman Wahid menyebut sebagai gerakan sempalan.<sup>25</sup> Imran A.M dan Ahmad Taufik (1979), Hartono Ahmad Jaiz (2002), H.M.C. Shodiq (2004), M. Amin Jamaluddin (2007), memanggilnya sebagai aliran sesat.<sup>26</sup> Kuntowijoyo<sup>27</sup> mengklasifikasikan sebagai gerakan *archaisme*<sup>28</sup>; Azyumardi Azra menyebutnya gerakan *uṣulīyyah al-Islamiyyah*,<sup>29</sup> dan Said Agil Siraj menyebutnya sebagai aliran *mutanaṭṭi'*, *tanaṭu'* (eksklusif), kerana LDII masih dalam skop kelompok *mu'alima min al-dīn bi ḍarurah*.<sup>30</sup>

Wujudnya perkara ajaran/paham akidah LDII yang sukar diterima oleh masyarakat tradisional dan masyarakat Islam yang fanatik diakibatkan oleh kurangnya pendedahan

---

<sup>25</sup> Menurut Abdurrahman Wahid (1995), Sempalan dalam bahasa Jawa seerti *archaisme*. Menurut Martin Van Bruinessen "gerakan sempalan" bererti "ortodoksi" atau "mainstream" (aliran induk); kerana gerakan *sempalan* adalah gerakan yang menyimpang atau memisahkan dari ortodoksi yang berlaku. Lihat Marti Van Bruinessen, Gerakan Sempalan di Kalangan Umat Islam Indonesia: Latar Belakang Sosial-Budaya, *Ulumul Qur'an*, Vol III No. 1 Tahun 1992, h.16

<sup>26</sup>Lihat Hartono Ahmad Jaiz (2006), *Aliran dan Paham Sesat di Indonesia*, Jakarta: Pustaka al-Kautsar, h.77-113, H.M.C. Shodiq (2004), *Akar Kesesatan LDII dan Kasus Penipuan Triliunan Rupiah*, Jakarta: LPPI, M.Amin Djamaluddin, *op.cit*.h.4

<sup>27</sup> Kuntowijoyo (1987), *Budaya dan Masyarakat*, Yogyakarta:Tiara Wacana, h. 91

<sup>28</sup> Azyumardi Azra (1996), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*, Bandung: Mizan h. 109

<sup>29</sup>Tobroni (1996), Keamiran dan Jamaah Studi Tentang Hubungan Amir-Jamaah dan Pengaruhnya Terhadap Perilaku Keagamaan warga LDII di Jawa Timur, *Tesis*, Malang Universiti Muhammadiyah Malang, h.105

<sup>30</sup>Said Agil Siradj, Mereka Kita Anggap *Mutanaṭṭi'*, dalam Setiawa, Habib, et all. *After Paradigm: Catatan Para Ulama Tentang LDII*, Jakarta: Pusat Studi Islam Madani Institut, h. 90

daripada ahli Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) tentang bagaimana kedudukan yang sebenar ajaran LDII bila mana dilihat dari sudut pandang akidah Islam. Sebenar dari sudut asas yang dibentangkan dalam Anggaran Dasar, akidah LDII berasaskan daripada al-Qur'an dan Hadith. Sebagaimana dalil yang dipergunakan dalam memperkukuhkan ajaran akidah LDII iaitu:

Ertinya: “Dan turutlah--al-Qur'an--sebaik-baik, (pedoman hidup) yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu, sebelum kamu didatangi azab secara mengejut, sedang kamu tidak menyedarinya”.

Surah az-Zumar (39): 55

Ertinya: “(Katakanlah kepada mereka Wahai Muhammad): "Turutlah apa yang telah diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu dan janganlah kamu menurut pemimpin-pemimpin yang lain dari Allah; (tetapi sayang) amatlah sedikit kamu mengambil peringatan”.

Sūrah al-A'raf (7):3

Kemudian dalil hadith dalam hal ini, sebagaimana yang direkodkan oleh Imam Mālik, sebagai berikut:

مالك بن أنس رحمه الله بلغه ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : تَرَكْتُ فِيكُمْ  
أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ رَسُولِهِ .

Ertinya: “Mālik ibn Anas r.a., menyampaikan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: Aku tinggalkan padamu dua perkara, apabila kamu berpegang teguh kepada keduanya, nescaya kamu tidak akan tersesat selama-lamanya iaitu Kitab Allah dan Sunnah Rasul”<sup>31</sup>.

Berdasarkan hukum ketatanegaraan Indonesia dan pelaksanaan peraturan pertubuhan, LDII menjadikan Pancasila sebagai asas pertubuhan. Ketetapan itu dicantumkan dalam qanun asasi LDII pada bab II iaitu tentang azas, maksud dan tujuan sebagai berikut;

---

<sup>31</sup> Imam Mālik bin Anas (2009), *Muwatta'* Juz 5, hadith No. 1323, 3338, Bayrut : Dār al-Nafa'is, h.889

*Satu*, asas pada perkara 4. “Lembaga Dakwah Islam Indonesia berazaskan Pancasila.

*Kedua*, maksud pada perkara 5. “Lembaga Dakwah Islam Indonesia bermaksud melakukan atau melaksanakan dan berperanserta menghimpun seluruh potensi bangsa, yang memiliki persamaan cita-cita, wawasan, dan tujuan, sehingga memiliki satu visi dan persepsi dalam mengalang persatuan dan kesatuan bangsa dalam negara kesatuan Republik Indonesia yang berdasarkan Pancasila dan Undang-Undang Dasar 1945.

*Ketiga*, Tujuan pada perkara 6, “Lembaga Dakwah Islam Indonesia bertujuan meningkatkan kualitas peradaban, hidup, harkat dan martabat dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa, dan bernegara serta turut serta dalam pembangunan manusia Indonesia seutuhnya, yang dilandasi oleh keimanan dan ketakwaan kepada Tuhan yang Maha Esa guna terwujudnya masyarakat madani yang demokratis dan berkeadilan sosial berdasarkan Pancasila, yang diridhoi Allah Subhanahu Wa ta’ala.”

Merujuk kepada perkara-perkara secara am yang diperbincangkan di atas tadi, tentang pertubuhan LDII di Indonesia berasaskan kepada al-Qur’an dan Hadith, undang-undang Negara, dan peraturan-peraturan Negara lainnya.

#### **1. 4 Pernyataan Kajian**

Merujuk daripada latarbelakang masalah dan kenyataan masalah dapatlah dirumuskan secara khas pernyataan masalah kajian dalam penyelidikan ini iaitu:

1. Bagaimana latar belakang sejarah pertubuhan Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) di Provinsi Jambi?
2. Bagaimana asas fahaman akidah Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII)?
3. Bagaimana pengaruh ajaran akidah Lembaga Dakwah Indonesia Islam terhadap kumpulan Lembaga Dakwah Islam Indonesia di provinsi Jambi?

#### **1.5 Objektif kajian**

Berdasarkan pernyataan permasalahan penyelidikan, maka tujuan dari objek penyelidikan adalah sebagai berikut:

1. Untuk mengkaji sejarah perkembangan Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) di Provinsi Jambi.
2. Menganalisis asas pemikiran akidah Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) dilihat dari sudut pandang pemikiran Islam.
3. Menganalisis bagaimana pengaruh ajaran akidah Lembaga Dakwah Islam Indonesia terhadap kumpulan Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) di Provinsi Jambi

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Bertitik tolak daripada permasalahan dan obyektif penyelidikan maka yang menjadi kepentingan kajian adalah sebagai berikut:

1. Mendiskripsikan sejarah pertubuhan Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) amnya dan LDII Provinsi Jambi Indonesia khususnya.
2. Mengenalpasti asas, sumber, metode ajaran akidah Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) di Provinsi Jambi
3. Menganalisis kewujudan ajaran akidah Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) dari sudut pandang akidah dan pemikiran Islam.
4. Mengenalpasti pengaruh ajaran akidah Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) terhadap masyarakat Islam di Provinsi Jambi Indonesia.
5. Memberi laluan kepada pengkaji lain untuk mengkaji lebih mendalam tentang prinsip asas ajaran akidah Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) sama ada pada masa ini mahupun di masa hadapan.

### **1.7 Skop Kajian**

Merujuk daripada perkara-perkara yang diperbincangkan terhadap pertubuhan Islam di Indonesia khasnya LDII maka untuk mencapai fokus penyelidikan perlu dikemukakan

skop kajian pembahasan Aliran dan Pengaruh Akidah LDII Provinsi Jambi-Indonesia Analisis dari Perspektif Pemikiran Islam.

Akidah yang dimaksud dalam penyelidikan ini adalah keyakinan yang meliputi aspek *Ilahiyyah*, *al-Nubuwwah* dan *al-Syam'iyat*. Provinsi Jambi-Indonesia disini dimaksud sebagai wilayah tempat penyelidikan. Provinsi Jambi merupakan wilayah yang cukup luas oleh itu diambil beberapa daerah sebagai sampel dalam penyelidikan ini iaitu Distrik Kerinci, Distrik Merangin dan Bandar Jambi.

Pemikiran Islam dalam penyelidikan ini dimaksudkan sebagai suatu gagasan atau hasil fikir pemikir-pemikir Islam atau ulama' bersumber daripada al-Quran dan al-Sunnah dalam menjawab perkara-perkara manusia dan masyarakat yang disebabkan pelbagai faktor yang meliputi; *pertama* upaya untuk memahami atau mengambil *istinbath* hukum-hukum agama. *Kedua* upaya untuk mencari solusi persoalan-persoalan yang belum ada pada zaman Rasulullah SAW, zaman sahabat atau untuk memperbaiki tindakan-tindakan tertentu berdasarkan roh Islam. *Ketiga*, sebagai penyelaras antara prinsip-prinsip agama dan ajaran-ajarannya dengan pemikiran asing yang mempengaruhi pemikiran umat Islam. *Keempat*, sebagai pertahanan terhadap akidah Islam dengan menolak akidah, kepercayaan lain yang bercanggah dengan ajaran Islam dan menjelas akidah Islam yang sebenarnya dan, *kelima* untuk mengawal prinsip-prinsip Islam agar tetap utuh sehingga akhir zaman.

### **1.8 Pengertian Istilah**

Dalam rangka menghindar salah penafsiran terhadap tajuk diperlukan adanya pengertian dari tajuk penyelidikan ini. Berdasarkan tajuk “Aliran dan Pengaruh Akidah Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) Provinsi Jambi Analisis dari Perspektif Pemikiran Islam” terdapat beberapa kalimat yang perlu dijelaskan.

*Pertama*, Aliran: adalah suatu pandangan hidup masa tertentu,<sup>32</sup> atau suatu pemikiran oleh sebahagian orang dalam sebuah komuniti atau kelompok tertentu. Pandangan hidup di sini adalah pemahaman suatu masa yang telah terpertubuhan, mempunyai aturan-aturan tertentu dan biasanya para ahlinya mempunyai pandangan hidup (*word view*) sebagaimana yang dikatakan oleh para pemimpinya.<sup>33</sup>

*Kedua*, pengaruh ialah kuasa yang lahir daripada orang (benda dan lain-lain) ke atas orang lain atau kekuatan yang meninggalkan kesan pada orang lain<sup>34</sup> Pengaruh yang dimaksudkan dalam perspektif ini ialah kuasa yang terbit daripada kefahaman akidah LDII yang diyakini, difahami dan diamalkan oleh ahli-ahlinya dalam kehidupan.

*Ketiga*, LDII ialah suatu pertubuhan sosial kemasyarakatan dalam bidang dakwah dan pendidikan keislaman yang ditubuhkan di Surabaya. Semula jadi pertubuhan ini, dikenali dengan “Yayasan Lembaga Karyawan Indonesia” dikenal dengan LEMKARI. Oleh kerana, LEMKARI mempunyai kesamaan *akronim* dengan Lembaga Karatedo Indonesia yang disingkat “LEMKARI” selajutnya berdasarkan hasil Mensyuarat Kebangsaan II tahun 1991, Lembaga Karyawan Indonesia diubah menjadi “Lembaga Dakwah Islam Indonesia” atau yang lebih dikenal dengan LDII.

*Keempat*, Provinsi Jambi<sup>35</sup> ialah suatu Provinsi di Indonesia yang terletak di pesisir Timur pulau Sumatera. Semulajadi Provinsi Jambi merupakan Kesultanan Jambi yang berakhir abad ke XIX yang dipimpin oleh seorang sultan dibantu oleh Pangeran Ratu (Putra Mahkota) yang mengetuai Rapat Dua Belas yang merupakan Badan Pemerintahan Kerajaan. Jambi menjadi wilayah otonomi pada hari bulan 6 Januari 1957 pada sidang BKRK dan disahkan dengan Undang-Undang Darurat No. 19 Tahun

---

<sup>32</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan* Cet. 3, Edisi 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007, h. 36

<sup>33</sup> Hartono Ahmad Jaiz, *Aliran dan Paham Sesat di Indonesia*, Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 2002 h. ix

<sup>34</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *op.cit.*, h. 1172

<sup>35</sup> Merujuk cerita rakyat tempatan, nama Jambi berasal dari perkataan *jambe* yang bererti “pinang”. Nama ini ada hubungannya dengan sebuah legenda yang hidup dalam masyarakat, yaitu legenda mengenai Raja Putri Selaras Pinang Masak.



1957 tentang Pembentukan Provinsi Sumatera Barat, Riau dan Jambi.<sup>36</sup> Secara geografis provinsi Jambi bersempadan empat provinsi iaitu sebelah Utara bersempadan dengan Provinsi Riau; sebelah Selatan bersempadan dengan Provinsi Sumatera Selatan (Palembang); sebelah Barat bersempadan dengan Provinsi Sumatera Barat (Padang) dan sebelah Timur bersempadan dengan Laut Cina Selatan. Provinsi Jambi.

*Kelima*, analisis ialah penyelidikan atau penghuraian sesuatu, masalah, atau persoalan dan lain-lainnya untuk mengetahui pelbagai aspeknya secara terperinci atau mendalam.<sup>37</sup> Analisis disini dimaksudkan untuk menyelidiki dan menghuraikan kefahaman akidah LDII secara rinci dan mendalam serta menghuraikan pengaruh yang ditimbulkan daripada kefahaman akidah terhadap ahli-ahli LDII baik terhadap keyakinan beragama, politik, sosial dan budaya.

*Keenam*, akidah. Menurut etimologi berasal akidah dari bahasa Arab dari perkataan ‘*aqada* bererti “ikatan atau simpulan”<sup>38</sup> atau boleh diertikan sebagai “janji” atau “sesuatu pemeteraian janji yang kuat diantara hamba dengan Penciptanya”.<sup>39</sup> Dalam Bahasa Melayu diertikan “kepercayaan atau keyakinan”<sup>40</sup> Demikian pula yang diungkapkan oleh Kafrawi Ridwan, dari kata ‘*aqada* ini muncul pula bentuk lain iaitu *i’tiqada* yang berarti mempecah, meyakini dan keyakinan.<sup>41</sup> Menurut Louis Ma’luf, akidah ialah sesuatu yang diyakini oleh hati nurani manusia tentang sesuatu yang telah

---

<sup>36</sup> Menurut Undang-Undang No. 61 Tahun 1958 wilayah Jambi dari sisi Hukum Adat Jambi, batas-batas secara lengkap berbunyi: *Dari durian ditakuk rajo lepas ke Sialang belantak besi melayang ke Tanjung Simalidu menipih beringin nan sebatang, Beringin Gedang nan sekali dalam, mendaki bukit kelarik nan besibak meniti pematang panjang menepat ke Singkil Tujuh Balarik ke sepisak pisau hilang mendaki Bukit Alam Babi meniti pematang panjang menepat ke bukit cindakulaju ke ulu Parit Sembilan menuju ke Sungai Reteh dan Sungai Enggang Marem Tanjung Labuh terjun ke laut nan mendidih menempuh ombak nan bedebur merapat ke Pulau Nan tigo sebelah laut Pulau Berhalo naik ke sekatak Air Hitam menuju Bukit Siguntang-guntang mendakit bukit tuo lepas Sungai Banyu Lincir laju ke hulu Sungai Singkutdikurung bergandeng bukit tigo mendaki ke serintik hujan panas meniti Bukit Barisan turun ke Sungai Renah Sungai Buntal menuju ke Sungai Air Dikit menerpa ke Hulu Sungai Ketaun mendaki bukit malin dewa laju ke Sungai Ipuh mendaki Bukit Sitingjau Laut, sayup-sayup laut lepas menuju gunung berapi di situ tegak Gunung Kerinci menepat ke Muaro Bento menempuh bukit Kaco meniti Pematang Lesung terus menuju Batu Anggit dan Batu Kangkung, Teratak Tanjung Pisang, Siangkak-Siangkang hilir pulo ke durian di takuk rajo di situ mulai bejalan balik pulo ketempat lamo bejalan meniti batas.*

<sup>37</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *op.cit.*, h.51

<sup>38</sup> Ibn Manzur (1994), *Lisān al-‘Arab*, Jil.3. Cet.3 Beirut: Dār al-Fikr, h. 296 Lihat. Departemen Pendidikan dan Kebudayaan (1988), *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, Cet. I, Jakarta: Balai Pustaka, h 580-581

<sup>39</sup> *Ibid.*,h. 297

<sup>40</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *op.cit.*, h. 21

<sup>41</sup> Kafrawi, Ridwan dkk. (1996), *Ensiklopedi Islam*, Jakarta: PT. Ihtiar Baru Van Hoeve, h. 24

nyata dalam keyakinannya.<sup>42</sup> Jadi berdasarkan pakar etimologi di atas akidah bererti keyakinan itu tersimpul dengan kokoh dalam hati, bersifat mengikat dan mengandung perjanjian.

Secara terminologi akidah amnya boleh disimpulkan sebagai himpunan perkara-perkara yang berhubung dengan kepercayaan dan keyakinan di dalam hati sehingga hati dan jiwa menjadi tenteram, tidak syak, tidak bimbang, murni dari segala syak wasangka dimana pengakuan ini mampu mengendalikan jiwa serta memberi kesan kepadanya karena melalui akidah sebegini akan melahirkan rasa cinta, tunduk, patuh dan redha dalam menerima ketetapan.<sup>43</sup> Dan akidah disini ialah dimaksudkan kepada kefahaman LDII dalam menyakini dan mempercayai ketentuan akidah yang telah ditetapkan dalam akidah Islam yang merangkumi permasalahan *Ilahiyyat*, *al-Nubuwwah*, dan *al-Sam'iyat*

*Kedelapan*, Perspektif ialah pandangan atau pentafsiran yang wajar dengan memperkirakan bahagian-bahagiannya dalam hubungan keseluruhannya<sup>44</sup> Pandangan dan penafsiran dimaksud ialah memandang akidah yang diyakini dan diamalkan LDII daripada pemikiran Islam, baik bidang ketuhanan (*Ilahiyyat*), kenabian (*al-Nubuwwah*) dan *Alam akhirat (al-Sam'iyat)*.

*Kesembilan*, Pemikiran Islam secara etimologi diertikan sebagai proses, cara, perbuatan memikir<sup>45</sup>. Menurut terminologi pemikiran Islam didefinisikan sebagai sebuah kegiatan mental yang berlandaskan kepada prinsip-prinsip yang dianut untuk sampai kepada hasil yang dicari<sup>46</sup>. Dari takrif-takrif tersebut terlihat adanya perluasan

---

<sup>42</sup> Louis Ma'luf (1992), *Al-Munjīd fī al-Lughah wa A'lam*, Beirut: Dār al-Mashriq, h. 519

<sup>43</sup> Lihat 'Umar Sulayman al-Asqar (1984), *al-'Aqīdah fī Allah*, Cet. 5 Kuwait: Maktabah Falah, h. 9 Abu Bakr al-Jaziri (1985), *'Aqīdah al-Mu'min*, Kaheerah: Dar al-Kitab al-Salafiyah, 18

<sup>44</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *op.cit.*, h. 1194

<sup>45</sup> Tim Pensyarah(2002), *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, Edisi III, Jakarta, Balai Pustaka, h. 873

<sup>46</sup> Arif Rahman Hakim Lc. Dipl. (2005), *Selayang Pandang Pemikiran Islam; Upaya Merunut Sejarah Pemikiran Islam dari Kelahirannya Sampai Masa Kebangkitan Islam*, Makalah kajian dwi mingguan LBI Pwk. Persis, 22 Maret 2005, h. 1

makna, yang tadinya bersifat abstrak (*etimology*), menjadi konkrit dalam terminologi, iaitu dengan menambahkan penekanan pada pencarian hasil dari sebuah pemikiran. Sedangkan Islam ialah wahyu yang diturunkan Allah SWT kepada rasul-Nya untuk disampaikan kepada seluruh manusia; sepanjang masa dan sebarang persada. Pemikiran Islam disini dirujuk kepada gugusan ilmu pengetahuan yang berteraskan wahyu dan tradisi Islam hasil dari proses ijtihad para ulama dan pemikir Islam.

Berdasarkan beberapa istilah di atas, disimpulkan bahawa dimaksudkan dengan “Analisis Akidah dan Pengaruhnya Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) Provinsi Jambi-Indonesia: Dalam Perspektif Pemikiran Islam” ialah penyelidikan yang secara terperinci dan mendalam terhadap kefahaman akidah serta kesan yang ditimbulkan dari penyebaran faham akidah LDII di Provinsi Jambi-Indonesia.

## **1.9 Kajian Lepas**

Kajian terhadap pemikiran Islam dan pertumbuhan sosial keagamaan amnya sebenar telah ramai menjadi objek kajian dalam beberapa penyelidikan baik oleh pertumbuhan sosial keislaman seperti; Lembaga Peneliti dan Pengkajian Islam (LPPI), pelajar dan masyarakat. Demikian juga dengan pertumbuhan Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) telah menjadi focus kajian pelbagai lintas disiplin keilmuan. Namun daripada penyelidikan amnya didapati masih pada fokus sejarah dan perkembangan pertumbuhan LDII, khususnya Darul Hadith dan Islam Jamaah. Kemudian sebagai analisis paham dan pemikiran LDII di sini perlu dikemukakan pelbagai hasil penyelidikan sebagai literature review sebagai berikut:

Lembaga Penelitian dan Pengkajian Islam (1999), *Bahaya Islam Jama'ah Lemkari LDII*. Jakarta, LPPI. Hasil penyelidikan ini, menganalisis sejarah ajaran Islam Jamaah, LDII dan pengaruhnya bagi dalaman ahli LDII mahupun masyarakat Islam

Indonesia amnya. Dalam buku ini, Darul Hadith, Islam Jamaah, Lemkari, Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) merupakan satu pertubuhan yang sama meskipun dalam berbeza pengenalan. Sedangkan dalam analisis sejarah terdapat perbezaan iaitu Darul Hadith diasaskan oleh Kiai Haji Nurhasan dan Lemkari oleh bekas ahli Darul Hadith.

Hasil penyelidikan dalam buku ini dinyatakan bahawa LDII mempunyai persamaan baik dari segi amalan dan kefahaman yang bercanggah dengan ajaran Islam seperti yang diamalkan ialah Lemkari/LDII iaitu; melakukan penipuan agama, mengkafirkan muslim di luaran LDII, menajiskan bahkan menentukan muslim selain golongannya mereka pasti masuk Neraka. Sebagai pembuktian dalam buku ini, dilampirkan pelbagai respon dari masyarakat Islam, pengakuan bekas ahli yang keluar dari LDII/Lemkari dan hasil menyuarat Majelis Ulama Indonesia (MUI) beberapa daerah yang menuntut dibubarkan Lemkari/LDII <sup>47</sup>

Ludhy Cahyana (2003), *Islam Jamaah Dibalik Pengadilan Media Massa Suatu Analisa Pembenuhan Karakter Terhadap Lemkari/LDII*, Yogyakarta; Benang Merah. Buku hasil penyelidikan Ludhy Cahyana ini berusaha menganalisis peranan media melakukan manipulasi fakta terhadap Lembaga Karyawan Islam/LDII menjadi penjudukan, prasangka, dan *stereotype* yang buruk. Dalam menganalisis keberadaan LDII ini, Ludhy Cahyana menggunakan kaedah media sebagai alat analisis. Di samping itu, juga menceritakan fakta yang sesungguhnya mengenai aktiviti-aktiviti tokoh-tokoh Islam Jamaah, faktanya diputar balik oleh informan yang memusuhi mereka dan pelakon media menjadikan sebagai alat untuk menghancurkan LDII. Media dengan sengaja menampilkan fakta apapun yang sifatnya positif tentang mereka. Sampai pada

---

<sup>47</sup> Lembaga Penelitian Pengkajian Islam (1999), *Bahaya Islam Jama'ah Lemkari LDII*. Jakarta: LPPI.

titik itu dakwaan mereka sesat akan terus menerus hidup meskipun terkubur di bawah alam sadar.<sup>48</sup>

H.M.C Shodiq (2004), *Akar Kesesatan Lembaga Dakwah Islam Indonesia dan Penipuan Triliyunan Rupiah*, Jakarta: LPPI. Secara umum buku ini mempunyai dua fokus perbahasan. *Pertama*, membahas dan menganalisis kefahaman LDII khususnya terhadap pembelajaran al-Qur'an hadith secara *manqul* dan *kedua*, membentangkan bukti-bukti penipuan yang dilakukan oleh para pengerusi LDII kepada ahli LDII.<sup>49</sup> H.M.C Shodiq dalam menganalisis asas kefahaman LDII memfokuskan kepada aspek hadith dengan mempergunakan *al-Jarh wa al-Ta'dil*. Tetapi analisis yang dilakukan masih memiliki kemahuan yang sama dengan hasil buku-buku yang diterbitkan LPPI lainnya. Ertinya cek dan recek terhadap keabsahan data yang dijadikan asas dalam mengkritik LDII belum menyeluruh masih bersifat parsial. Misalnya pada hadith tentang konsep "*al-jamā'ah* dan *beramir*". Intipati dari tajuk "Penipuan Triliyun-an" sebagai fokus yang dilakukan oleh 'oknum' LDII belum mendapatkan gambaran secara mendalam. H.M.C. Shodiq hanya membentangkan berita-berita daripada akhbar iaitu "*Radar Minggu*" dan tidak memberikan analisis lebih mendalam atau melakukan cross cek dengan ahli-ahli LDII kebenaran dan realiti sebenar di masyarakat.

M.Amin Djamaluddin (2007), *Kupas Tuntas Kesesatan dan Kebohongan LDII Jawaban Atas Buku Direktori LDII* yang diterbitkan oleh LPPI Jakarta adalah karya yang menganalisis buku Direktori yang diterbitkan Dewan Pimpinan Pusat (DPP) LDII sebagai jawapan pandangan negatif dari pelbagai masyarakat Muslim.<sup>50</sup> Dalam karya ini, M. Amin Jamaluddin memberikan tanggapan bahawa jawapan-jawapan yang dibentangkan dalam buku Direktori LDII tidak objektif. Dari aspek kesejarahan Dewan

---

<sup>48</sup> Ludhy Cahyana, (2003) *Islam Jamaah Dibalik Pengadilan Media Massa Suatu Analisa Pembunuhan Karakter Terhadap Lemkari/LDII*, Yogyakarta; Benang Merah.

<sup>49</sup> H.M.C Shodiq (2004), *Akar Kesesatan Lembaga Dakwah Islam Indonesia dan Penipuan Triliyunan Rupiah*, Jakarta: LPPI.

<sup>50</sup> M.Amin Djamaluddin (2007), *Kupas Tuntas Kesesatan dan Kebohongan LDII Jawaban Atas Buku Direktori LDII* Jakarta: LPPI.

Pimpinan Pusat LDII tidak memperakui Kiai Haji Nurhasan Ubaidillah sebagai pengasas semula jadi pertubuhan LDII, Kiai Haji Nurhasan hanya diperakui sebagai Ulama pendiri Pondok Pesantren Burengan Kediri. Demikian juga dengan jawapan-jawapan terhadap pertubuhan LDII.

Lebih lanjut, menurut M. Amin Jamaluddin, penjelasan dan pembentangannya sangat kontradiktif dengan materi-materi yang mereka ajarkan kepada para ahli LDII. Analisis M.Amin Jamaluddin bersumber dari pelbagai makalah program Cinta Alam Indonesia (CAI) dari tahun 1992 sehingga tahun 2006 dan buku terbitan LDII (*Menunda Bai'at adalah Merugikan Diri Sendiri dan Keluarga*) serta buku-buku terbitan LPPI bahawa kefahaman yang diajarkan tidak selari dengan jawapan-jawapan yang terdapat dalam buku Direktori. Pelbagai hasil dapatan M. Amin Jamaluddin berkesimpulan bahawa LDII telah melakukan penipuan dan kebohongan dari realiti sebenarnya.

Wakhid Sugiyarto (2009), *Perubahan Paradigma Fahaman Keagamaan Komunitas Lembaga Dakwah Islam Indonesia di Kota Semarang Jawa Tengah*, Jakarta: Departemen Agama RI.<sup>51</sup> Hasil penyelidikan menyatakan bahawa Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) merupakan pertubuhan yang berbeza dengan Lemkari, Yakari, Darul Hadith, bahkan LDII berhasil dalam membimbing bekas pengikut-pengikut Islam Jamaah menjadi penganut Islam sebagaimana pada amnya di Indonesia. Dalam perubahan padigmanya LDII telah berubah sejak tahun 1980-an. Dakwah yang dilakukan tetap berzaas kepada al-Qur'an dan Hadith (*Kutub al-Sittah*). Oleh itu, LDII amnya mempunyai persamaan dalam bernmanhaj dengan pertubuhan Muhammadiyah mahupun Persatuan Islam (Persis).

---

<sup>51</sup> Wakhid Sugiyarto, dalam tajuk *Perubahan Paradigma Fahaman Keagamaan Komunitas Lembaga Dakwah Islam Indonesia di Kota Semarang Jawa Tengah*, Jakarta: Departemen Agama RI, 2009

Khamami Zada, dkk. (2009), dalam tajuk *Pemahaman Keagamaan Kelompok Islam Radikal terhadap Pengembangan Multikulturalisme*, Jakarta: Departem Agama RI. Dalam hasil penyelidikan Khamami dkk, menyatakan bahawa kelompok Islam radikal, seperti Majelis Mujahidin Indonesia (MMI), dan Hizbu Tharir Indonesia (HTI) mereka memiliki paham keagamaan yang literal dan eksklusif dalam sosial akidah. Mereka memandang bahawa pergaulan sosial dalam interaksinya dengan sesama muslim dan non muslim harus berazas pada ajaran akidah Islam. Sebab itulah, bagi mereka pertubuhan Islam seperti Jaringan Islam Liberal (JIL), Ahmadiyah, dan LDII adalah sesat kerana telah menyimpang dari akidah Islam. Sedang terhadap NU dan Muhammadiyah, mereka cenderung menerima sebagai bagian dari sesama Islam yang hanya berbeza faham di luar akidah iaitu perbezaan fikih dan cara menegakkan Islam. Dalam aspek sosial-kemasyarakatan kelompok Islam radikal, mereka membagi dua wilayah iaitu wilayah sosial yang berhubungkait dengan akidah dan wilayah sosial yang tidak berhubungkait dengan akidah. Dalam aspek pertama mereka cenderung tidak membolehkan melakukan interaksi terhadap mereka yang memiliki akidah yang berbeza. Demikian juga dalam aspek politik kelompok radikal tidak memberi kesempatan kepada non muslim menjadi pemimpin nasional. Selain penolakan dalam aspek kepemimpinan dalam budaya, mereka menolak budaya local yang cenderung sinkretis kerana menyimpang dari akidah Islam. Dengan merujuk pada pandangan dan sikap kelompok Islam radikal yang eksklusif menjadi penghambat dalam pengembangan *multikulturalisme* di tengah-tengah membangun komunitas muslim<sup>52</sup>

Shofiyullah Mz., dkk. (2006), dalam tajuk *Multukulturalisme, Muhammadiyah dan Pluralitas Islam di Yogyakarta*, Jakarta: Departemen Agama. Hasil penyelidikan Shofiyullah Mz., dkk menyatakan bahawa Muhammadiyah sebagai pertubuhan dan

---

<sup>52</sup> Khamami Zada, dkk, dalam tajuk *Pemahaman Keagamaan Kelompok Islam Radikal terhadap Pengembangan Multikulturalisme*, Jakarta: Departem Agama RI, 2009.

gerakan dalam pembaharuan Islam di Indonesia berusaha menjalin komunikasi, baik aspek dalaman mahupun luaran kelompok agama secara intensif dan bersikap lebih inklusif terhadap pluralitas Islam. Muhammadiyah dalam melakukan komunikasi dakwah melakukan upaya menjalin dialogis melalui pelbagai aktiviti seperti; pengkajian keagamaan, forum diskusi dan lain sebagainya. Lebih lanjut dalam hasil penyelidikan Shofiyullah dalam aspek sosial mengembangkan sikap ukhuwwah Islamiyah, ukhuwwah basyariyah dan ukhuwwah wathoniyah.<sup>53</sup>

Tim INSEP (2007), *Paham dan Pemikiran Keagamaan Dalam Perspektif Hermenetika di Ma'had Al-Zaitun*, Indramayu Jawa Barat: Kementerian Agama.<sup>54</sup> Hasil penyelidikan dalam tajuk ini dinyatakan bahawa Ma'had Al-Zaitun lahir daripada sebuah gerakan keagamaan. Para pengasas telah lama memikirkan tentang strategik yang tepat bagi meneruskan perjuangan keagamaan. Mereka memilih strategik perjuangan yang dianggap tepat iaitu pendidikan dengan pendidikan pondok pesantren. Pemilihan terhadap sistem pondok pesantren ini dipandang sebagai institusi pendidikan yang pernah dipraktikkan oleh pembawa Islam. Dalam perkembangannya, Ma'had Al-Zaitun mendapat reaksi menyokong dan tak menyokong. Reaksi itu berasal dari sekumpulan orang yang pernah dan masih aktif daripada Negara Islam Indonesia (NII) iaitu Al-Chaidar dan Amin Jamaluddin. Reaksi lahir daripada konsep pemikiran keagamaan seperti; bai'ah (*Mushahadatul Hijrah*) dan doktrin *tazkiyah* yang intinya adalah bahawa umat harus rela memainkan diri sebagai Nabi Ismail dengan keikhlasannya siap untuk disembelih demi kepentingan dakwah agama.

Reza Perwira (2008) dalam tajuk *Gerakan Paham dan Pemikiran Islam Liberal Masyarakat Perkotaan: Profil Forum Mahasiswa Ciputat Jakarta*, Jakarta:

---

<sup>53</sup> Shofiyullah Mz., dkk, dalam tajuk *Multukulturalisme, Muhammadiyah dan Pluralitas Islam di Yogyakarta*, Jakarta: Departemen Agama, 2006,

<sup>54</sup> Tim INSEP dalam tajuk *Paham dan Pemikiran Keagamaan Dalam Perspektif Hermenetika di Ma'had Al-Zaitun*, Indramayu Jawa Barat: Kementerian Agama, 2007



Kementerian Agama. Hasil penyelidikan terhadap tajuk oleh penyelidik dinyatakan bahawa Jakarta (Ciputat) sering dikelali sebagai pusat intelektual muslim Indonesia kerana dari tradisi intelektual ini pemahaman keagamaan akan menyebarkan secara massif. Secara struktur mahupun budaya telah berjalan sepanjang tegaknya IAIN. Pengaruh besar terhadap pemikiran Islam yang berkembang di IAIN tidak hanya berasal dari ketokohan yang dilakukan Harun Nasution, tetapi juga oleh pertubuhan mahasiswa. Kesedaran intelektual yang tumbuh di tengah-tengah mahasiswa berdampak positif dan menjadi awal mula tradisi intelektual Muslim di Jakarta.

Wakhid Sugiyarto (2008) dalam tajuk *Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) Semarang Pasca Rakerna*, Jakarta: Kementerian Agama.<sup>55</sup> Wakhid Sugiyarto menyatakan daripada hasil penyelidikannya bahawa Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) adalah pertubuhan sosial keagamaan yang melaksanakan aktiviti pada bidang dakwah dan pendidikan keagamaan. Pertubuhan ini bersifat nasional dari peringkat pusat sampai peringkat kampung. Kewujudan pertubuhan ini ditengah masyarakat telah memberi pengaruh terhadap faham keagamaan tersendiri. Dalam bidang dakwah dan pendidikan umat, pertubuhan ini membawa ciri tersendiri iaitu melalui dakwah *bil hal* yakni dengan mengubah kehidupan umat agar lebih sejahtera lahir dan bathin. Dalam bidang pendidikan juga dilakukan secara berjamaah dengan bentuk yang sama di seluruh Indonesia. Oleh Wakhid Sugiyarto juga dinyatakan bahawa pertubuhan Lembaga Dakwah Islam Indonesia walaupun bagaimanapun memiliki hubungkait dengan Islam Jamaah/Darul Hadith, LEMKARI sehingga kini meski LDII telah mengubah haluan pertubuhannya pandangan sebagai faham sesat masih terus berlanjut.

Ahmad Syafi'i Mufid (2007), *Paham Pemikiran Islam Radikal Pasca Orde Baru dalam Dimensi Baru*, Jakarta; Kementerian Agama, 2007. Gerakan radikal Islam di

---

<sup>55</sup> Wakhid Sugiyarto dalam tajuk *Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) Semarang Pasca Rakernas*, Jakarta: Kementerian Agama, 2008

Indonesia mempunyai hubungkait dengan gerakan tajdid, pemurniaan atau reformasi. Gerakan radikal di Indonesia amnya bermula dari pemurnian agama yang dipraktikan oleh Salafus Saleh kemudian menjadi suatu gerakan pemurnian, berkembang menjadi gerakan sosial dan politik. Puncak perkembangan gerakan politik ialah penegakan syari'at Islam dan berdirinya kerajaan Islam (*daulah Islamiyah*). Sebagaimana yang dialami radikalisme keislaman masa sebelum kemerdekaan, setelah kemerdekaan dan reformasi semua mengalami kegagalan. Tiada dimensi baru dalam gerakan radikal keagamaan yang ada hanya pengulangan pemikiran dan gerakan yang akhirnya mengalami kegagalan.

Umar R. Soeroer (2007) dalam karya "*Gerakan Paham dan Pemikiran Islam Liberal Masyarakat Perkotaan: Gerakan Ikatan Jamaah Ahlulbait Indonesia di Kota Makasar*, Jakarta: Kementerian Agama. Dalam penyelidikan ini, Umar R. Soeroer menyatakan bahawa Ikatan Jamaah Ahlulbait Indonesia adalah sebuah pertubuhan sosial masyarakat yang ditubuhkan oleh Prof. Dr.Jalaluddin Rakhmat pada 1 Julai 2000. Berasas Islam daripada kecintaan kepada *ahlul bait*. Visinya menampilkan gerakan intelektual yang mencerahkan pemikiran Islam dan pembelaan terhadap kaum yang tertindas (*mustadh'afin*).

Tujuan daripada IJABI ialah *pertama*, membangun diri untuk hidup berjamaah dan berimamah serta mengenalkan dan menyebarkan ajaran Islam yang diriwayatkan melalui jalur keluarga Nabi Muhammad s.a.w. *Kedua*, pengupayaan masyarakat ekonomi kecil dan bawah dan *ketiga*, memajukan kajian-kajian keagamaan dan intelektual dan *keempat*, menjalin dan memelihara hubungan baik dengan pertubuhan sosial keagamaan serta lembaga kemanusiaan lainnya. Hasil penyelidikan menghasilkan suatu kesimpulan bahawa masyarakat tidak mempertentangkan faham Syi'ah ataupun bukan Syi'ah.

Berdasarkan hasil penelusuran bibliografi penyelidikan terhadap LDII masih terfokus pada Islam Jamaah/Darul Hadith, dan LEMKARI. Sedang kajian LDII pada fokus akidah sebagai asas dalam beragama belum memperoleh perhatian yang khas sebagai upaya untuk menyatakan satu pertubuhan itu sesuai dengan ajaran Islam atau menyelisihinya daripada akidah Islam. Demikian dengan dinamika penyebaran Lembaga Dakwah Islam di Propinsi Jambi belum mendapat pemerhatian dan penyelidikan yang mendalam. Perkara-perkara itu bererti membuka peluang untuk dilakukan penyelidikan yang khas dan mendalam mengenai perkembangan Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) Propinsi Jambi dan pengaruhnya dalam perspektif pemikiran Islam. Perkara tersebut sangat penting kerana dinamika faham keagamaan mempunyai pengaruh terhadap suasana kehidupan bermasyarakat dan bernegara serta dalam mencipta keadaan yang aman, tertib dan sejahtera.

## **1.10 Metode Penyelidikan Kajian**

### **1.10.1 Jenis Penyelidikan**

Jenis penyelidikan yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah jenis penyelidikan kualitatif. Pendekatan kualitatif dipilih kerana berkait rapat dengan sifat unik realiti sosial dan dunia tingkah laku manusia, terlebih objek penyelidikannya adalah suatu komuniti keagamaan yang mempunyai keunikan sendiri. Keunikannya bersumber pada manusia beragama itu. Kerana hakikat manusia sebagai makhluk psikis, sosial, budaya, mempunyai makna dan interpretasi dalam bersikap dan bertingkah laku. Makna dan intepretasi manusia sendiri dipengaruhi oleh lingkungan sosial dan budaya.

Dalam penyelidikan ini, penyelidik telah melakukan pemerhatian dan temubual secara tak berstruktur. Dengan cara ini, memungkinkan penyelidik menebual orang-orang yang dianggap memiliki kemampuan dan keupayaan memberikan jawapan yang

berhubung kait dengan perkara-perkara yang diselidiki. Pada sisi lain penyelidik dapat meluaskan soalan pada waktu temubual.

Penyelidikan berupaya mengumpul dan mencatat data secara terperinci mengenai pelbagai perkara-perkara yang sedang diteliti, seperti; bentuk keberagaman, hubungan kait keagamaan dan sosial kemasyarakatan. Dalam pengumpulan ini, data yang diperoleh tidak dipisah sendiri-sendiri akan tetapi merupakan suatu keseluruhan yang utuh.

Data atau informasi dari satu informan dicek kebenarannya dengan cara menguji keakuratan data dengan data yang lainnya, misalnya, dari pihak kedua, ketiga dan seterusnya dengan menggunakan pendekatan yang berbeza-beza. Tujuan pengujian informasi yang diperoleh dari pelbagai pihak, agar ada jaminan tingkat kepercayaan terhadap data yang dicadangkan. Penggunaan kaedah ini untuk menghindari daripada aspek subjektifi.

Selanjutnya penyelidik melakukan verifikasi, terutama terhadap perkara yang dipandang bertentangan. Untuk memperoleh hasil yang maksimal dilihat dari validiti dan tingkat akurasi data, penyelidik mencari kasus-kasus yang berbeza atau bertolak belakang dengan yang telah ditemukan. Maksudnya, untuk memperoleh hasil yang lebih tinggi tingkat keyakinanya yang meliputi; situasi yang lebih luas, sehingga yang semula terlihat bertentangan akhirnya dapat dikompromikan dan tidak mengandungi aspek-aspek yang tidak sesuai.

### **1.10.2 Sumber data**

Sumber data dalam penyelidikan ini diperoleh melalui dua sumber, iaitu *pertama* sumber data primer dan *kedua* sumber data sekunder. Sumber data primer diperoleh

daripada dapatan pemerhatian (*observation*) dan temubual (*interview*) dengan tokoh-tokoh LDII, pengerusi, mubaligh, santri pondok pesantren, dan ahli-ahlinya LDII Provinsi Jambi. Selain hasil melalui pemerhatian dan temubual data primer dilengkapi dengan data dokumentasi LDII yang berupa kitab-kitab dan buku-buku rujukan utama LDII, arsip keahlian, surat-surat dan buku-buku harian. Sedangkan sumber data kedua iaitu sumber data sekunder ialah data-data yang diperoleh dari pelbagai literatur yang mempunyai hubung kait dengan tajuk penyelidikan ini yang berupa buku-buku, jurnal dan artikel lainnya. Dalam mendapatkan sumber data sekunder dalam penyelidikan merujuk daripada pelbagai perpustakaan iaitu;

- Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya
- Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- Perpustakaan Wilayah Propinsi Jambi Indonesia
- Perpustakaan IAIN Sultan Thaha Saifuddin Jambi Indonesia
- Perpustakaan IAIN Kerin
- Perpustakaan Daerah Distrik Kerinci Indonesia

### **1.10.3 Kaedah Pengumpulan Data**

Kaedah pengumpulan data yang dipergunakan dalam penyelidikan adalah pemerhatian (*obsevasi*), temubual dan dokumentasi.

#### **1.10.3.1 Pemerhatian (*observation*)**

Pemerhatian dalam pengumpulan data terhadap faham akidah LDII ini dilakukan secara langsung iaitu penyelidik terlibat langsung dengan obyek dan situasi kondisi yang diamati mengenai segala aktiviti LDII. Pemerhatian dilakukan mengamati pelbagai

bentuk aktiviti dan mengumpul *cultural meaning*. Kerana makna budaya suatu tindakan boleh diperolehi dari hubungkait antara informasi dengan faktaya.

Kerja lapangan bagi kajian ini telah dimulai sejak 2008 dan 2009. Pada tahun 2008 penyelidikan ini telah dilaksanakan selama 3 bulan bermula pada bulan Mei sehingga akhir Agustus pada 2008. Wilayah yang menjadi kerja lapangan meliputi; Bandar Jambi, Kabupaten (distrik Merangin), Distrik Kerinci dan Bandar Sungai Penuh. Kemudian dipemerhatian dilakukan lagi pada awal bermula awal Agos 2009 dan berakhir Nopember 2009.

#### **1.10.3.2 Temubual (*interview*)**

Temubual dalam mengumpulkan data dalam penyelidikan ini dilakukan secara langsung yakni penyelidik langsung melakukan temubual dengan informan yang telah ditetapkan sebagai sumber informasi. Temubual pada penyelidikan ini dilakukan dalam bentuk percakapan terstruktur dan tak terstruktur. Temubual terstruktur dilakukan dengan mempersiapkan soal selidik yang berisi tentang objektif masalah yang akan dipertanyakan meliputi; *pertama* pengalaman informan mengikuti LDII, *kedua*, pendapat, pandangan, tanggapan, tafsiran, atau fikiran tentang faham akidah LDII, dan *ketiga* perasaan, respon, emosional sebagai pengikut LDII. Sedangkan temubual tidak terstruktur ialah temubual yang dilakukan dengan pertanyaan daripada perkara-perkara yang melengkapinya pada soal selidik terstruktur. Ada tujuh langkah yang dilakukan dalam pengumpulan data melalui kaedah temubual ini iaitu:

1. Menentukan kepada siapa temubual dilakukan
2. Menyiapkan objektif permasalahan yang akan menjadi bahan perbualan
3. Mengawali atau membuka alur temubual
4. Melaksanakan alur temubual

5. Mengkonfirmasi ikhtisar temubual dan mengakhirinya
6. Menulis hasil temubual kedalam catitan
7. Mengidentifikasi tindak lanjut temubual yang telah diperoleh.

Dalam mengumpul data melalui temu bual dijalankan bermula Julai 2008 hingga Desember 2008 dan kemudian temubual dilanjutkan untuk mendapat data yang lebih kuat dijalankan pada bulan April 2009 hingga Ogos 2009.

### **1.10.3.3 Dokumentasi**

Kaedah ini terima pakai untuk memperoleh data tertulis yang menghubungkan dengan penyelidikan. Penggunaan kaedah dokumentasi didasarkan pada alasan bahawa kaedah ini boleh membantu penyelidik dalam menguji dan menafsirkan data yang diperolehi dari data pemerhatian dan temubual. Menerusi pandangan Faisal bahawa sumber informasi yang berupa dokumen, rekaman dan catitan sesungguhnya cukup bermanfaat, kerana ia telah tersedia sehingga akan relatif mudah untuk memperolehinya.<sup>56</sup>

Pengumpulan data melalui dokumentasi dilakukan terhadap dokumentasi daripada LDII yang berupa sejarah pertubuhan, petadbiran, kewangan, dan program yang dilaksanakan.

### **1.10.3.4 Analisis Data**


Analisis data dalam penyelidikan ini adalah analisis data mengalir (*flow analysis*) iaitu analisis yang dilakukan mengikuti informasi didapatkan atau data yang diperlukan, sehingga dapat melibatkan pihak luaran lokasi penyelidikan yang dipandang mengerti dan memahami kehidupan individu-individu sebagai anggota masyarakat lokasi

---

<sup>56</sup> Sanafiah Faisal (1990), *Penelitian Kualitatif: Dasar-Dasar dan Aplikasi*, Malang: YA3, h. 81

penyelidikan. Sebagaimana ciri daripada analisis data mengalir maka pada penyelidikan ini sejak awal penyelidikan tidak membatasi subyek atau informan penyelidikan sebelum pengumpulan data dilakukan. Proses penggalian data juga mempertimbangkan model *triangulasi*. Model triangulasi dimana penyelidik dapat menggunakan pelbagai kaedah dalam pengumpulan data seperti; temubual mendalam, tak berstruktur, pemerhatian dan dokumentasi dari pelbagai sumber orang, waktu dan tempat yang berbeza. Berikutnya data yang diperolehi dari penyelidikan baik melalui pemerhatian, temubual dicatat dan direkodkan dalam hasil penyelidikan. Bersesuaian dengan kaedah analisis data mengalir, maka analisis data model ini dilakukan sepanjang aktiviti penyelidikan berlangsung bersamaan dengan proses pengumpulan data. Secara garis besar langkah analisis data ini meliputi; *pertama* reduksi data, *kedua* penyajian data, dan *ketiga* pengambilan kesimpulan serta verifikasi. Adapun langkah yang dilakukan pada analisis data seperti tergambar daripada rajah di bawah ini.

**Rajah 1:1 Alur Pengumpulan Data Penyelidikan**



*Pertama*, reduksi data merupakan proses penyeleksian dari data yang diperolehi di lapangan penyelidikan dengan jalan direduksi, dirangkum, dipilih sesuai dengan objektif kajian, difokuskan kepada persoalan inti yang berkaitan dengan permasalahan, sehingga memberikan gambaran yang lebih tajam kepada penyelidik untuk melakukan pengumpulan data berikutnya dan mencarinya apabila diperlukan.



*Kedua*, Penyajian data (*display data*) merupakan langkah selanjutnya sebagai proses menuangkan hasil dari proses reduksi. Dalam penyelidikan ini penyajian data dilakukan dalam bentuk huraian singkat, rajah, hubungan antara kategori dan sejenisnya. Melalui penyajian data tersebut, maka data terorganisir dan tersusun dalam pola hubungan sehingga semakin mudah untuk dipahami.

*Ketiga*, merupakan langkah pengambilan kesimpulan dan verifikasi ialah proses menyimpulkan dari hasil penulisan yang sistematis berdasarkan data hasil penyelidikan. Pada tahap ini kesimpulan awal yang dikemukakan masih bersifat sementara, dan akan mengalami perubahan apabila tidak ditemukan bukti-bukti yang kuat untuk menyokong pada tahap pengumpulan data berikutnya. Apabila kesimpulan yang dikemukakan di awal disokong oleh bukti-bukti yang valid dan konsisten saat penyelidik kembali ke lapangan untuk mengumpulkan data maka kesimpulan yang dikemukakan merupakan kesimpulan yang valid. Dengan penarikan kesimpulan demikian dapat menjawab rumusan masalah yang telah dirumuskan sejak awal. Merujuk daripada proses pengumpulan data, penyajian data dan pengambilan kesimpulan analisis penyelidikan ini mengguna analisis induktif iaitu analisis yang dilakukan dengan mengambil daripada pandangan-pandangan yang bersifat khas kemudian ditarik kesimpulan yang bersifat am.